



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MASJID: PUSAT KEGIATAN ILMU DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT"

28 Jun 2024 / 21 Zulhijah 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ^١ ذِي الْفَضْلِ وَالْتَّعْمِ وَالْجُودِ وَالْكَرَمِ، الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَ، عَلَمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، شَهادَةً مُبَرَّأَةً مِنَ التَّهْمَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُحْتَرَمُ، أَرْسَلَهُ إِلَى الْعَرَبِ وَالْعَجَمِ، وَجَعَلَ أُمَّتَهُ خَيْرَ الْأُمَمِ، وَهُدًى بِهِ إِلَى الطَّرِيقِ الْأَقْوَمِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى النَّبِيِّ الْأَكْرَمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ^٢ وَعَلَى أَلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْأَعْظَمِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ^٣ وَوَصِّينُكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi semua larangan Nya, mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: "**MASJID: PUSAT KEGIATAN ILMU DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**"

Firman Allah SWT, ayat 18 surah al-Taubah:

﴿إِنَّمَا يَعْمَرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ ءامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى أَنْزَكَوَةَ وَلَمْ يَنْخُشْ إِلَّا
اللَّهُ فَعَسَى أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهَتَّدِينَ ﴾^{١٦}

Bermaksud: Sesungguhnya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu hanyalah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka termasuk dalam golongan orang yang mendapat hidayah petunjuk.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Masjid ialah institusi penting, lambang kebesaran syiar Islam, berperanan sebagai pusat kegiatan ibadah, pusat perkembangan ilmu, pusat perpaduan ummah dan pusat pembangunan masyarakat. Kehebatan, kecemerlangan dan kejayaan sesebuah masjid amat bergantung kepada keupayaan pihak pengurusan dan pegawai masjid menyempurnakan tugas secara cekap lagi berkesan.

Selepas peristiwa hijrah Rasulullah SAW ke Madinah, struktur pendidikan Islam menjadi lebih tersusun dan berkembang baik. Baginda menyediakan ruang pengajian bersebelahan Masjid Nabawi dikenali '*as-Suffah*' sebagai tempat para sahabat mendapatkan ilmu dari Rasulullah SAW dalam bentuk soal jawab, syarahan, *halaqah* dan perbincangan.

Rasulullah SAW juga melatih beberapa orang para sahabat menjadi guru dalam pelbagai bidang ilmu di *as-Suffah*. Antara para sahabat yang dilantik ialah Abdullah bin Rawahah, Ubadah bin Samit dan Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah. Bidang-bidang ilmu asas yang diajar di *as-Suffah* ialah al-Quran, akidah, syariah dan akhlak. Bidang ilmu dalam Islam berkembang mencakupi ilmu khat, sejarah, bahasa, memanah, menunggang kuda lalu dibudayakan dalam kalangan masyarakat, di samping ilmu-ilmu pengetahuan lain yang diperlukan dalam kehidupan, merangkumi pendidikan rohani dan jasmani.

Jemaah yang dimuliakan,

Ilmu laksana cahaya penyuluhan kebenaran dan menyingkap kejahilan. Mereka yang menyusuri jalan-jalan ilmu yang benar, lazimnya akan memihak pada kebenaran dan menyanggah kebatilan yang menyesatkan. Ilmu pengetahuan meliputi ilmu fardu ain dan fardu kifayah, merupakan keperluan yang sangat asas membolehkan manusia hidup sempurna, malah dapat meningkatkan kualiti modal insan, untuk membentuk masyarakat yang elok budi pekerti.

Tokoh ilmuwan silam menunjukkan teladan unggul dalam usaha mencari, mempelajari, menyampai dan mengamalkan ilmu. Imam As-Syafie menghabiskan usia dengan mendalami pelbagai bidang ilmu sehingga mampu menghasilkan pelbagai karya yang menjadi sumber rujukan penting umat Islam. Imam Al-Muzani, murid kanan Imam As-Syafie telah menelaah dan mengulang baca kitab *Ar-Risalah* karya Imam As-Syafie sebanyak 500 kali, dan setiap kali membacanya beliau mendapati penemuan ilmu yang baharu.



Manakala Imam An-Nawawi mengkaji dan mempelajari 12 ilmu pengetahuan setiap hari, dan pada waktu malam beliau menghasilkan pelbagai karya ilmiah dalam pelbagai cabang ilmu.

Contoh usaha dan kesungguhan ilmuwan silam menggapai kemuliaan dengan ilmu. Allah SWT memberikan darjat yang tinggi bagi Mukmin yang memiliki ilmu pengetahuan berpandukan firman Nya dalam surah al-Mujadalah ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ أَلَّذِينَ إِمَانُهُمْ كَبِيرٌ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Bermaksud: "...Allah akan mengangkat (darjat) orang yang beriman antara kamu dan orang yang diberi ilmu (dalam kalangan kamu) beberapa darjat..."

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Data kelas pengajian takmir di masjid dan surau diri Jumaat di seluruh negeri Perak pada tahun 2023, mencatatkan sebanyak 1,553 kelas berlangsung setiap bulan; meliputi pengajian fardu ain antaranya akidah, fiqh dan akhlak (tasawuf), juga pengajian tafsir, hadis dan sirah. Manakala pengajian fardu kifayah juga turut diadakan merangkumi tajuk-tajuk mengenai kesihatan, takaful Islam, perbankan Islam, psikologi, pertanian dan seni mempertahankan diri.

Masjid Negeri Perak melalui program Sijil Pengajian Masjid, menjadi contoh usaha menyediakan pengajian ilmu kepada masyarakat. Sijil Pengajian Masjid yang diperkenalkan sejak tahun 2013, dirangka sebagai daya usaha pengajian agama berstruktur, dilengkapi pelbagai mata pelajaran untuk memudahkan orang awam mendapat pendidikan ilmu agama yang lengkap.

Sungguh menggalakkan sambutan baik masjid-masjid di negeri Perak memenuhi peranan masjid sebagai pusat ilmu dengan mewujudkan Pusat Informasi Maya, dan mengendalikannya sebagai ruang yang dilengkapi kemudahan Internet dan buku rujukan, untuk faedah ahli-ahli masyarakat dan anak-anak di kariah mendapatkan sumber maklumat dan ilmu pengetahuan.

Kehebatan, kecemerlangan dan kejayaan sesebuah masjid tidak diukur daripada segi kecantikan seni binanya, tetapi ditentukan melalui keupayaannya berperanan sebagai teras boleh upaya membina budaya dan membangunkan tamadun. Oleh itu hendaklah diusahakan pelbagai program yang dapat mengimarahkan masjid,



dimakmurkan dengan kehadiran jemaah yang ramai, giat mencelikkan minda dan meningkatkan daya intelek anak kariah, sarat dengan nilai persaudaraan serta indah dengan kebersihan dan keceriaan, kemas amalan pengurusannya dan cekap menangani keperluan ahli-ahli kariah, memperkenalkan kegiatan-kegiatan yang berjaya menarik minat setiap lapisan masyarakat terutama para belia, serta mesra terhadap anak-anak sekolah, anak-anak istimewa dan orang kurang upaya.

Jemaah yang dimuliakan,

Mimbar menyeru ummah menghayati perkara-perkara berikut:

Pertama: Mencontohi program-program pengimaranan masjid pada zaman Rasulullah SAW, yang diisi dengan pelbagai kegiatan keilmuan, kemasyarakatan dan kemanusiaan yang berjaya menarik minat pelbagai lapisan masyarakat, termasuk menganjur kegiatan-kegiatan riadah untuk menarik minat para belia.

Kedua: Majlis-majlis ilmu yang dianjurkan di masjid hendaklah diperkaya dengan pelbagai cabang ilmu fardu ain dan fardu kifayah untuk memenuhi keperluan ahli-ahli kariah termasuk menganjurkan kelas-kelas bimbingan kepada para pelajar sekolah.

Ketiga: Masjid ialah rumah Allah. Oleh itu kesucian masjid wajib dipelihara setiap masa melalui pengisian dan kegiatan yang mendapat reda llahi, menjadi tempat penyatuan dan perpaduan ummah dengan keinsafan bahawa masjid ialah tempat mulia yang paling disukai Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW:

أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَيَّ اللَّهِ مَسَاجِدُهَا.

Bermaksud: Negeri yang paling disukai oleh Allah ialah masjid-masjid Nya.

(Hadis Riwayat Muslim)

Oleh itu, masjid wajib dilindungi daripada sebarang bentuk pencemaran, dan tidak dijadikan tempat perselisihan, persengketaan, mengadu domba dan menyebarkan fitnah.

Keempat: Jawatankuasa masjid wajib bersifat amanah, memanfaatkan dana sumbangan jemaah untuk meningkatkan kemudahan yang dapat dinikmati oleh ahli-ahli kariah serta memperbanyakkan program bagi kebaikan ummah terutama pemerkasaan pengajian ilmu.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشَهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁶، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُوْلِهِمْ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Buka pintu hati kami agar sentiasa terikat mengimarahkan masjid; semoga kami tergolong dalam salah satu daripada tujuh golongan yang mendapat naungan Mu di akhirat kelak. Kurniai panduan, kekuatan, kebijaksanaan dan kesungguhan kepada pengurusan dan pegawai masjid menyempurnakan amanah mentadbir secara cekap lagi telus dan mengimarahkan masjid.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، (إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَنَهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ)
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ) فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَإِشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.